

20/06/2001

Masa sesuai pemimpin perjelas kegelisahan ahli

Azhar Abu Samah

PERHIMPUNAN Agung Umno yang bermula esok amat dinantikan kedatangannya kerana pelbagai perkembangan menarik dan panas yang timbul satu demi satu sejak akhir-akhir ini.

Seramai 2,027 perwakilan dari seluruh negara akan hadir bersama wakil kelab Umno serta kira-kira 40 pemerhati pertubuhan dan parti politik dari luar negara, menunggu untuk mendengar kupasan pelbagai isu, dari soal pengunduran Tun Daim Zainuddin daripada kerajaan dan jawatan parti, sehinggalah kepada isu yang menyentuh kehendak ahli akar umbi yang menjadi tunjang Umno.

Bekas Menteri Kewangan itu sudah mengesahkan kepada Setiausaha Kerja Umno, Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor, tidak akan menghadiri perhimpunan kali ini kerana beliau bukan lagi ahli Majlis Tertinggi (MT) atau perwakilan dari bahagian Merbok di samping berada di luar negara ketika itu.

Ketika ahli Umno dan rakyat amnya masih tercari-cari punca pengunduran Daim, selain pelbagai khabar angin menyentuh hubungan 'tidak mesra' beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kejutan terus berlaku apabila Lembaga Disiplin Umno yang dipengerusikan Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Ismail mengenakan tindakan ke atas 15 lagi pemimpin Umno, termasuk enam yang dilucutkan jawatan ketua bahagian, kerana terbabit dengan amalan rasuah politik, termasuk penggunaan wang dalam pemilihan peringkat bahagian April lalu.

Mereka digantung hak memilih, dipilih dan dilantik bagi sebarang jawatan dalam parti untuk tempoh di antara tiga hingga enam tahun, selain hilang status sebagai perwakilan pada perhimpunan kali ini.

Hukuman yang dikenakan itu juga bakal menjadi isu yang tentunya akan dibangkitkan perwakilan. Tambahan pula mereka yang dikenakan tindakan telah mempertikaikan kewibawaan Lembaga Disiplin kononnya badan itu mengambil kira tuduhan 'kebudak-budakan' dan tidak mempunyai asas kukuh.

Malah, ahli lembaga itu dituduh 'tidak tahu apa nak buat'. Ada pula yang menuduh mereka sebagai orang lama yang membuat keputusan sewenang-wenang ketika mengadili kes. Ini menunjukkan betapa sukarnya lembaga itu untuk melaksanakan tugasnya membantu menghapuskan politik wang yang sudah berakar umbi dalam Umno.

Ini ditambah lagi dengan ancaman ahli yang sudah berpuluh tahun dalam Umno mahu mengheret Lembaga Disiplin ke mahkamah, walaupun akan menghadapi risiko disingkirkan daripada parti.

Dalam isu sama, ada perwakilan dijangka menyoal rasional MT melantik calon yang tewas bagi menggantikan ketua bahagian yang dilucutkan jawatan kerana kesalahan politik wang sedangkan Fasal 15.7 Perlembagaan Umno jelas menyatakan timbalan ketua atau naib ketua dilantik sebagai pemangku sekiranya ketua bahagian tidak dapat melaksanakan tugasnya.

Hakikatnya, fasal itu kini ditafsirkan mengikut keperluan kelompok yang mempertikai dan mendukung pelantikan berkenaan.

Fasal 9.1 Perlembagaan Umno juga digunakan bagi menyokong langkah MT sebagai badan tertinggi parti yang berkuasa menjalankan sebarang langkah bagi perhimpunan agung dan hanya perlu memaklumkan langkah yang diambil kepada persidangan nanti.

Secara langsung atau berlapik, kepimpinan Umno akan turut dipersoalkan mengenai hala tuju sebenar Umno, sebagaimana MT mempersoalkan program yang dijalankan sayap kanannya, Pemuda atau Wanita, dalam menarik sokongan

rakyat dan golongan muda kepada parti.

Setakat ini tidak jelas hala tuju berkenaan selain daripada apa yang akan dilakukan oleh MT bagi memastikan pencapaian buruk parti pada pilihan raya umum 1999 tidak berulang.

Seiring dengan hasrat akar umbi, mereka juga dijangka mengemukakan soal pemilihan menteri dan timbalan menteri, pelantikan senator yang selama ini tidak diketengahkan kerana ia hak Perdana Menteri yang juga Presiden Umno untuk membuat keputusan.

Sebagai ahli akar umbi, mereka mahu mengetahui kriteria pelantikan berkenaan kerana sebelum ini pelantikan dibuat daripada kalangan pemimpin Umno yang dilihat lebih memahami perjuangan Umno dan masyarakat yang dipimpinnya.

Hakikatnya, ahli akar umbi ada asas untuk mempersoalkannya berdasarkan prestasi beberapa menteri yang dilantik melalui kuota senator yang lebih mengamalkan pendekatan pentadbiran dan pengurusan profesional dalam memperjuangkan hak Melayu, termasuk soal pendidikan dan kuota ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Sedangkan, dalam keadaan tertentu, pendekatan politik perlu diamalkan selaras persetujuan kontrak sosial yang dipersetujui sebelum ini di antara parti politik yang mewakili kaum tertentu.

Isu kuota kemasukan ke universiti, masalah biasiswa dan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan kurikulum persekolahan adalah antara isu pendidikan yang akan disentuh sama ada melalui usul atau perbahasan.

Soal hak Melayu yang terus menerus dipersoalkan oleh bukan Bumiputera pastinya akan disentuh, selain sikap berdolak-dalik Pas dalam menjayakan muzakarah yang mahu membincangkan perpaduan Melayu.

Malah, kenyataan Presiden Persatuan Pemuda Negara Malaysia, Stephen Doss, yang begitu angkuh mempersoalkan kedudukan istimewa, ketuanan Melayu dan kontrak sosial pada Konvensyen Perpaduan Nasional di Petaling Jaya bulan lalu, pastinya menarik perhatian untuk diperbahaskan.

Seperti katanya: "Apabila seorang bercakap mengenai kuota, dia akan diingatkan mengenai kontrak sosial. Apabila seorang bercakap mengenai kedudukan istimewa, dia diingatkan mengenai kontrak sosial. Apabila seorang bercakap mengenai ketuanan Melayu, dia diingatkan mengenai kontrak sosial. Apa yang dikatakan kontrak sosial, siapa yang menandatangani, adakah kontrak sosial ini mempunyai tempoh tertentu, atau untuk dilaksanakan dalam masa yang tak terjangkau oleh pemikiran? Mungkinkah ketuanan Melayu ini adalah anugerah Tuhan yang tidak boleh dipersoalkan?" Isu ini perlu dijelaskan supaya ia tidak terus dipolemik dan dipertikaikan jika isu sama kembali berbangkit pada masa akan datang.

Isu kemasukan kaum Cina dari parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) yang dibubarkan ke dalam Umno juga dijangka hangat diperbahaskan dan ketika ini Umno Johor sudah mengesahkan untuk membawanya pada perhimpunan kali ini.

Ini kerana ada yang melihat kebenaran yang diberikan itu bercanggah dengan Perlembagaan Umno yang hanya menetapkan Melayu dan Bumiputera.

Dari sudut ekonomi, pembelian Pos Malaysia Bhd oleh Philleo Allied Bhd (PAB) pada harga RM800 juta juga akan dipersoalkan kerana ia membabitkan kepentingan kerajaan atau Bumiputera berpindah kepada syarikat yang hingga kini tidak diumumkan siapa sebenarnya yang menguasainya.

Malah, sebelum penjualan itu dibuat, Permodalan Nasional Bhd (PNB) sudah melepaskan kepentingannya dalam Pos Malaysia.

Langkah kerajaan membeli balik saham syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) daripada Naluri Bhd yang menimbulkan pelbagai persoalan dan reaksi masyarakat, dijangka turut disentuh pada perhimpunan kali ini, apabila harga yang dipersetujui mengatasi harga pasaran, selain dilihat sebagai usaha mahu menyelamatkan Tan Sri Tajudin Ramli, atau syarikat miliknya

walaupun pada hakikatnya mahu mengelakkan syarikat itu jatuh kepada penguasaan asing.

Malah, kenyataan pengurusan baru MAS yang menyifatkan kesilapan pentadbiran dulu yang 'memerlukan bangunan dua tingkat tetapi membina lima tingkat' sedikit-sebanyak menyerlahkan kelemahannya.

Soal pembelian semula aset Sistem Transit Aliran Ringan (Star) dan Projek Usahasama Transit Aliran Ringan (Putra) oleh kerajaan dijangka turut disentuh kerana ia membabitkan kepentingan awam.

Tahun lalu, kerajaan mengumumkan akan membeli aset Putra dan Star dengan menerbitkan bon berjumlah RM5.5 bilion menerusi Jentera Tujuan Khas bagi membantu pengendali LRT.

Perhimpunan kali ini juga pastinya akan 'menghalakan meriamnya' kepada Pas, seteru politik yang menyebabkan perpecahan bangsa Melayu kerana tidak serius menjayakan muzakarah untuk mencari penyelesaian perpecahan umat Islam, selain memutarbelitkan soal wang ihsan, ketidakadilan ke atas penyokong Umno di Terengganu dan Kelantan dan menagih simpati pemimpin asing, sebagaimana dilakukan Presidennya, Datuk Fadzil Noor dan beberapa pemimpin lain yang mengunjungi Menteri Luar Australia, Alexander Downer.

Keseluruhannya, perhimpunan kali ini dilihat banyak menyentuh soal dalaman Umno kerana ia membabitkan keupayaan Umno untuk menelusuri pilihan raya umum 2004 nanti.

Kebimbangan mengenai masa depan Umno sudah diluahkan generasi tua kerana bagi mereka, Umno sudah lari daripada perjuangan asal untuk membantu ekonomi orang Melayu, apabila suara akar umbi tidak lagi diberikan perhatian.

Pada peringkat pemimpin bawahan pula, ketua bahagian tidak lagi dibenar mengemukakan permohonan tender kerajaan yang bermakna menutup periuk nasi mereka.

Inilah masa paling sesuai bagi pucuk pimpinan parti menjelaskan segala-galanya, termasuk kegelisahan pemimpin kecil Umno yang komited kepada parti.